

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

AKP 401 - Pengauditan

Tarikh: 25 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah LIMA.

BAHAGIAN A (Jawab semua soalan)

1. a) Berapakah jenis laporan audit yang boleh dikeluarkan?
(2 markah)

- b) Nyatakan satu keadaan yang wujud yang membolehkan pengeluaran laporan menafikan dan satu keadaan yang wujud yang membolehkan pengeluaran laporan berlawanan.
(3 markah)

- c) Bagi keadaan-keadaan berasingan berikut, nyatakan jenis laporan yang paling sesuai dikeluarkan:
 - i) Di dalam pemeriksaan Syarikat AB, anda menyatakan ada kemungkinan inventori disalahnyatakan dengan "material"nya. Pelanggan enggan membenarkan anda meluaskan skop pemeriksaan dengan secukupnya untuk mengesahkan samada baki inventori adalah sebenar-benarnya salah dinyatakan.

...2/-

[AKP 401]

- ii) Anda sedang mengaudit Syarikat CD untuk pertama kalinya. Syarikat ini telah menjalankan perniagaan beberapa tahun yang lalu tetapi belum pernah diaudit. Selepas tamat pengauditan, anda telah berpendapat bahawa kunci kira-kira tahun ini telah dinyatakan dengan betul mengikut "GAAP". Pelanggan tidak membenarkan anda menjalankan ujian bagi tahun-tahun terdahulu.
- iii) Anda telah ditugaskan memeriksa penyata kewangan Syarikat EF selepas akhir tahun kewangan. Oleh kerana anda dilantik hanya selepas tarikh kunci kira-kira, anda tidak dapat memerhatikan pengiraan inventori yang bernilai tinggi. Walau bagaimanapun, anda telah dapat memuaskan hati anda dengan penggunaan tatacara pengauditan lain bahawa inventori telah dinyatakan dengan betul.
- iv) Anda baharu sahaja selesai mengaudit Syarikat GH dan pada pendapat anda, penyata kewangan telah dinyatakan dengan adil dan saksama. Pada hari terakhir pelaksanaan kerja anda, anda telah mendapati bahawa salah seorang penyelia anda yang ditugaskan menjalankan pengauditan mempunyai pelaburan yang tinggi nilainya di dalam Syarikat GH.
- v) Syarikat IJ mempunyai beberapa buah lori pengangkutan. Di tahun-tahun lepas, Syarikat IJ telah mengikuti polisi untuk membeli kesemua lori yang diperlukan, tetapi pada tahun ini mereka membuat keputusan untuk menyewa sahaja lori-lori itu. Dengan ini, kaedah mengakaunkan lori telah ditukarkan kepada kaedah sewa-beli. Penukaran polisi ini telah dinyatakan di dalam catatan kaki.

(15 markah)

2. a) Anda telah membuat penyemakan dan penilaian asas sistem kawalan dalaman Syarikat Vijaya dan berdasarkan ini, anda telah membuat suatu program audit. Langkah selanjutnya ialah menjalankan ujian pematuhan untuk mengesahkan atau sebaliknya penilaian yang telah dibuat oleh anda. Bahagian

utama di mana ujian pematuhan dijalankan ialah pengeluaran tunai. Setiap bulan, Syarikat memproses secara purata 300 baucer dan membayar 600 invois. Setiap baucer mengandungi salinan cek bersama-sama dengan dokumen penyokong seperti invois pembekal, pesanan belian, dan laporan penerimaan.

Anda bercadang menggunakan persampelan "attribute" ke atas sampel-sampel baucer di dalam membuat penilaian samada tatacara kawalan dalaman dipatuhi. Ciri atau sifat yang hendak diuji adalah seperti berikut:

- i) Kebenaran untuk pembayaran akaun-akaun.
- ii) Maklumat yang sama didapati diinvois dan pesanan belian.
- iii) kebenaran untuk membuat pesanan belian.
- iv) Maklumat yang sama didapati dipesanan belian dan permintaan.
- v) Maklumat yang sama didapati diinvois dan laporan penerimaan.
- vi) Diskaun yang diambil.
- vii) Invois dibatalkan selepas pembayaran.
- viii) Kebenaran permintaan cek.

Daripada pengalaman anda, anda menjangkakan kadar "tiada pematuhan" (noncompliance rate) ialah 2% bagi ciri 1, 2, 5, 6 dan 1% bagi yang lain. Selepas mengambilkira langkah-langkah audit yang berhubung dengannya, anda telah membuat keputusan bahawa kadar penyimpangan tiada pematuhan yang diterima (tolerable deviation rate for noncompliance) ialah 7% bagi kawalan 1 hingga 6 dan 5% bagi ciri 7 dan 8. Risiko "overreliance" yang rendah iaitu 5% dipilih kerana ujian pematuhan sebagai sebahagian daripada penyemakan dan penilaian kawalan dalaman, adalah asas bagi penentuan skop pengauditan yang akan dijalankan.

[AKP 401]

Dikehendaki:

- i) Nyatakan unit persampelan dan ukuran populasi. (2 markah)
- ii) Tentukan ukuran sampel yang sesuai bagi setiap ciri. (4 markah)
- iii) Jika diandaikan selepas memeriksa setiap butiran sampel (mengikut ukuran sampel di (ii), anda dapati bahawa ada 7 kejadian pembayaran akaun yang tidak sesuai, 2 kejadian invois dibayar selepas tarikh diskaun dan 3 kejadian invois tidak dibatalkan selepas pembayaran diluluskan.
1. Tentukan had penyimpangan atasan (upper deviation limit) setiap ciri. Gunakan ukuran sampel yang paling hampir kepada nilai terbesar di dalam jadual. Sila lihat Lampiran A. (4 markah)
2. Apakah kesan dapatan ini ke atas pelaksanaan program audit yang selanjutnya.? (4 markah)
- b) Apakah syarat-syarat yang dikehendaki wujud sebelum teknik persampelan statistik boleh digunakan ke atas sesuatu populasi? (6 markah)
3. a) Sebagai seorang pengurus audit, adalah perlu untuk menerangkan kepada seorang pembantu yang tidak berpengalaman mengenai perbelanjaan dan penilaian sistem kawalan perakaunan dalaman pelanggan.

Dikehendaki:

Sediakan carta aliran pembelajaran dan penilaian kawalan perakaunan dalaman dan terangkan mengenainya.

(6 markah)

[AKP401]

- b) Persatuan Penghargaan Senilukis telah menubuhkan satu Muzium bagi kebaikan masyarakat. Apabila Muzium dibuka kepada awam, dua orang kerani yang ditugaskan dipintu masuk telah diarahkan mengutip wang sebanyak \$5 daripada setiap orang yang bukan ahli persatuan. Ahli dibenarkan masuk tanpa bayaran selepas ditunjukkan kad keahlian.

Pada akhir setiap hari, kedua-dua orang kerani menghantarkan hasil kutipan kepada bendahari. Bendahari mengira tunai di hadapan kedua-dua orang kerani dan memasukkannya ke dalam peti. Pada setiap petang Jumaat, Bendahari bersama-sama seorang kerani menghantarkan kesemua tunai di dalam peti ke dalam bank dan menerima resit kemasukan wang yang disahkan yang menjadi asas kepada catitan di dalam jurnal penerimaan tunai.

Lembaga Pengarah Persatuan Penghargaan Senilukis telah mengenalpasti keperluan untuk memperbaiki sistem kawalan dalaman terhadap yuran kemasukan. Lembaga telah menentukan bahawa kos mengadakan pintu yang berputar yang membolehkan seorang demi seorang memasuki, bilik jualan tiket atau mengubahkan susunan fizikal muzium akan memakan belanja yang tinggi dan akan melebihi keuntungan yang akan didapati.

Walau bagaimanapun, Lembaga telah berpendapat bahawa jualan tiket kemasukan mestilah menjadi sebahagian daripada usaha memperbaiki keadaan.

Encik Kheng telah disuruh oleh Lembaga Pengarah Persatuan Penghargaan Senilukis menyemak kawalan dalaman bagi yuran kemasukan dan memberikan cadangan untuk memperbaiki pengutipan wang.

Dikehendaki:

Menyenaraikan kelemahan di dalam sistem kawalan dalaman terhadap yuran tunai yang dikenalpasti dan mencadangkan satu cara bagi mengatasi setiap kelemahan yang dikenalpasti.

Susunkan jawapan anda mengikut contoh di bawah ini.

Kelemahan	Cadangan
1. Tiada asas untuk menentukan berapa bilangan bukan ahli yang telah membuat pembayaran.	1. Tiket kemasukan yang dinomborkan mestilah dikeluarkan selepas wang kemasukan diterima.

(14 markah)

BAHAGIAN B (Jawab 2 daripada 3 soalan)

4. a) i) Apakah yang dimaksudkan dengan ujian substantif dan ujian pematuhan.

(3 markah)

ii) Tatacara audit di bawah ini boleh digunakan di dalam ujian pematuhan dan di dalam ujian substantif. Berikan satu contoh di mana ia boleh digunakan sebagai ujian substantif dan satu contoh di mana ia boleh digunakan sebagai ujian pematuhan.

1. Pemeriksa dokumen
2. Pertanyaan
3. Pemerhatian

(6 markah)

b) Nyatakan dan jelaskan yang mana satukah daripada jenis-jenis bukti di bawah ini "lebih boleh dipercayai" di dalam menentukan:

1. Kos bahan-bahan mentah yang dibeli telah dicatatkan dengan betul.

(2 markah)

2. Kos inventori bahan mentah telah dicatatkan dengan betul.

(2 markah)

Jenis-jenis bukti:

- i) Kos standard yang digunakan oleh Syarikat
 - ii) Senarai harga pembekal di dalam fail yang disimpan di Jabatan Belian.
 - iii) Invois sebenar yang mewakili bahan-bahan mentah yang sebenarnya dibeli.
- c) Anda telah diminta memberi nasihat kepada seorang pembantu audit yang kurang berpengalaman menentukan butiran-butiran di dalam kunci kira-kira di bawah ini yang memerlukan pengesahan daripada pihak ketiga.

Kunci Kira-Kira Syarikat Intan bagi tahun berakhir 31/12/87

Tunai -----	\$100,000	Nota belum bayar	-\$200,000
Penghutang --	\$300,000	Pemiutang -----	\$200,000
Jumlah yang--	\$100,000	Sewa, cukai -----	\$300,000
dihutang		Pinjaman -----	\$500,000
oleh		jangkapanjang	
pegawai.		Saham biasa ---	\$1,000,000
Inventori ---	\$400,000	Perolehan -----	\$200,000
Loji dan --	\$1,000,000	tertahan	
jentera			
Pelaburan ---	\$400,000		
dan			
pendahuluan -			
anak			
syarikat.			
Belanja ----	\$100,000		
prabayar			
dan aset			
lain.			
	-----		-----
Jumlah	\$2,400,000	Jumlah	\$2,400,000
	-----		-----

(7 markah)

5. a) Mengikut IAG 9 "juruaudit hendaklah mendokumenkan perkara-perkara penting supaya ia menjadi bukti bahawa pengauditan telah dijalankan mengikut prinsip-prinsip asas". "Dokumen" yang dimaksudkan di sini ialah kertas kerja.

[AKP 401]

Dikehendaki menentukan:

- i) Tujuan penyediaan kertas kerja, dan
(4 markah)
 - ii) Kandungan kertas kerja seperti yang dinyatakan di dalam IAG 9
(4 markah)
 - iii) Kriteria yang digunakan untuk menentukan mutu kertas kerja.
(5 markah)
- b) Hanafiah dan Raslan, akauntan-akauntan umum yang bertauliah telah dilantik sebagai juruaudit Syarikat Maypack selama beberapa tahun. Oleh kerana ada penukaran di dalam Lembaga Pengarah, Syarikat telah melantik firma akauntan yang lain untuk menjalankan pengauditan. Oleh yang demikian, Syarikat Maypack telah mengarahkan Hanafiah dan Raslan menyerahkan kesemua kertas kerja yang telah disediakan oleh mereka di dalam menjalankan pengauditan Syarikat Maypack. Hanafiah dan Raslan enggan berbuat demikian kerana mereka mengatakan kertas kerja itu adalah hak milik mereka.

Walau bagaimanapun Syarikat mempercayai bahawa kertas kerja sepatutnya dipulangkan kepada mereka dan dengan ini telah mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkannya.

Pada fikiran anda, siapakah yang sepatutnya berjaya?

(7 markah)

6. a) Pengarah Syarikat XYZ yang baru ditubuhkan telah menulis kepada anda bahawa ia hendak melantik anda sebagai juruaudit.

Di antara kandungan surat itu ada menyatakan "hak anda akan ditentukan oleh Syarikat dan anda boleh diberhentikan oleh Syarikat pada bila-bila masa pun".

[AKP401]

Dikehendaki:

- i) Nyatakan tugas anda sebagai seorang juruaudit Syarikat XYZ Berhad, mengikut fahaman anda.
- ii) Gariskan hak-hak anda sebagai juruaudit Syarikat XYZ Berhad, mengikut Akta Syarikat 1965.
- iii) Apakah langkah-langkah yang patut di ambil sebelum menerima perlantikan?
- iv) Pada pandangan anda, adakah anda bersetuju dengan kandungan surat itu yang menyatakan bahawa anda boleh diberhentikan oleh Syarikat pada bila-bila masa pun?

(8 markah)

b) Tuliskan nota-nota ringkas mengenai yang berikut:

- i) Kejadian sebelum dan selepas kunci kira-kira
- ii) "Teeming dan lading"
- iii) Persampelan "probability-proportional-to-size-sampling"
- iv) Tatacara penggalan
- v) Kebaikan dan keburukan carta aliran dan soal-selidik kawalan dalaman.

(12 markah)

Statistical Sample Sizes for Compliance Testing (for large populations)

Table 1. 5% Risk of Overreliance

Expected Population Deviation Rate	Tolerable Deviation Rate									
	2%	3%	4%	5%	6%	7%	8%	9%	10%	
0.00%	149	99	74	59	49	42	36	32	29	
0.50	*	157	117	93	78	66	58	51	46	
1.00	*	*	156	93	78	66	58	51	46	
1.50	*	*	192	124	103	66	58	51	46	
2.00	*	*	*	181	127	88	77	68	46	
2.50	*	*	*	*	150	109	77	68	61	
3.00	*	*	*	*	195	129	95	84	61	
4.00	*	*	*	*	*	*	146	100	89	
5.00	*	*	*	*	*	*	*	158	116	
6.00	*	*	*	*	*	*	*	*	179	

Table 2. 10% Risk of Overreliance

Expected Population Deviation Rate	Tolerable Deviation Rate									
	2%	3%	4%	5%	6%	7%	8%	9%	10%	
0.00%	114	76	57	45	38	32	28	25	22	
0.50	194	129	96	77	64	55	48	42	38	
1.00	*	176	96	77	64	55	48	42	38	
1.50	*	*	132	105	64	55	48	42	38	
2.00	*	*	198	132	88	75	48	42	38	
2.50	*	*	*	158	110	75	65	58	38	
3.00	*	*	*	*	132	75	65	58	52	
4.00	*	*	*	*	*	110	98	73	65	
5.00	*	*	*	*	*	*	160	115	78	
6.00	*	*	*	*	*	*	*	182	116	

*Sample size is too large to be cost-effective for most audit applications

Figure 7-4. SAMPLE SIZE TABLES. [SOURCE: *Audit Sampling*, *op. cit.*, pp. 106-107 (adapted).]

**Statistical Sample Results Evaluation Table for Compliance Tests
Upper Deviation Limit
(for large populations)**

Table 3. 5% Risk of Overreliance

Sample Size	Actual Number of Deviations Found									
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	
25	11.3	17.6	*	*	*	*	*	*	*	*
30	9.5	14.9	19.5	*	*	*	*	*	*	*
35	8.2	12.9	16.9	*	*	*	*	*	*	*
40	7.2	11.3	14.9	18.3	*	*	*	*	*	*
45	6.4	10.1	13.3	16.3	19.2	*	*	*	*	*
50	5.8	9.1	12.1	14.8	17.4	19.9	*	*	*	*
55	5.3	8.3	11.0	13.5	15.9	18.1	*	*	*	*
60	4.9	7.7	10.1	12.4	14.6	16.7	18.8	*	*	*
65	4.5	7.1	9.4	11.5	13.5	15.5	17.4	19.3	*	*
70	4.2	6.6	8.7	10.7	12.6	14.4	16.2	18.0	19.7	*
75	3.9	6.2	8.2	10.0	11.8	13.5	15.2	16.9	18.4	*
80	3.7	5.8	7.7	9.4	11.1	12.7	14.3	15.8	17.3	*
90	3.3	5.2	6.8	8.4	9.9	11.3	12.7	14.1	15.5	*
100	3.0	4.7	6.2	7.6	8.9	10.2	11.5	12.7	14.0	*
125	2.4	3.7	4.9	6.1	7.2	8.2	9.3	10.3	11.3	*
150	2.0	3.1	4.1	5.1	6.0	6.9	7.7	8.6	9.4	*
200	1.5	2.3	3.1	3.8	4.5	5.2	5.8	6.5	7.1	*

Table 4. 10% Risk of Overreliance

Sample Size	Actual Number of Deviations Found									
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	
20	10.9	18.1	*	*	*	*	*	*	*	*
25	8.8	14.7	19.9	*	*	*	*	*	*	*
30	7.1	12.4	16.8	*	*	*	*	*	*	*
35	6.4	10.7	14.5	18.1	*	*	*	*	*	*
40	5.6	9.4	12.8	15.9	19.0	*	*	*	*	*
45	5.0	8.4	11.4	14.2	17.0	19.6	*	*	*	*
50	4.5	7.6	10.5	12.9	15.4	17.8	*	*	*	*
55	4.1	6.9	9.4	11.7	14.0	16.2	18.4	*	*	*
60	3.8	6.3	8.6	10.8	12.9	14.9	16.9	18.8	*	*
70	3.2	5.4	7.4	9.3	11.1	12.8	14.6	16.2	17.9	*
80	2.8	4.8	6.5	8.3	9.7	11.3	12.8	14.3	15.7	*
90	2.5	4.3	5.8	7.3	8.7	10.1	11.4	12.7	14.0	*
100	2.3	3.8	5.2	6.6	7.8	9.1	10.5	11.5	12.7	*
120	1.9	3.2	4.4	5.5	6.6	7.6	8.6	9.6	10.6	*
160	1.4	2.4	3.3	4.1	4.9	5.7	6.5	7.2	8.0	*
200	1.1	1.9	2.6	3.3	4.0	4.6	5.2	5.8	6.4	*

*Over 20%

Figure 7-6. STATISTICAL SAMPLE EVALUATION TABLES. [SOURCE: Audit Sampling Guide, op. cit., pp. 108-109 (adapted).]